

630:  
MAHATHIR

1974

KUALA LUMPUR, 8 OKT. (BERNAMA) - MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMMAD MALAM INI MEMUJI SIKAP SISWA-SISWA PUSAT PENGAJIAN TINGGI KERANA MENGHAMPIRKAN DIRI DENGAN UGAMA DAN BERMINAT MENALANKAN DAKWAH ISLAM.

BELIAU BERKATA, OLEH ITU ADALAH WAJAR BAGI MEREKA MEMAHAMI PERINSIP ISLAM YANG TERKANDUNG DALAM AL-QURAN SERTA CARA-CARA DAKWAH YANG DIANJURKAN OLEH KITAB SUCI ITU DENGAN SECARA MELUAS.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN DEMIKIAN KETIKA MERESMIKAN MAJLIS MEMBACA AL-QURAN ANJURAN UNIVERSITI MALAYA DISINI.

QARI-QARI DARI REPABLIK ARAB MESIR YANG TELAH MENJADI HAKIM DI PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA YANG BERAKHIR KELMARIN TURUT MEMPERDENGARKAN BACAAN MEREKA.

DISAMPING MEMUJI UNIVERSITI ITU KERANA MENGANJURKAN MAJLIS ITU, MENTERI ITU JUGA MENGESYOR SUPAYA DIADAKAN ACARA MEMBINCANGKAN ISI KANDUNGAN KITAB SUCI ITU.

INI ADALAH PENTING AGAR CARA-CARA MENJALANKAN DAKWAH ITU TERPELIHARA DARIPADA MENGIKUT CARA-CARA YANG SALAH ATAU SEMPIT, TAMBAH BELIAU. 84

BELIAU MENGINGATKAN ORANG ISLAM YANG INGIN MENGEMBANGKAN UGAMA MEREKA ATAU +BENAR-BENAR+ INGIN MELAKSANAKAN AJARAN-AJARANNYA DALAM MASYARAKAT SUPAYA MEGAMALKAN SIKAP DAN BERSOPAN SANTUN DI MASYARAKAT ITU. -- BERSAMBUNG 2236/1B

631:  
MAHATHIR-2 KUALA LUMPUR

KATANYA, + INI ADALAH SATU CARA YANG DAPAT MENARIK PERHATIAN DAN MINAT ORANG RAMAI TERHADAP PEGAJARAN ATAUPUN SERUAN YANG DIKEMBANGKAN. +

BELIAU JUGA MENASIHATKAN MEREKA SUAPAYA SENTIASA SEDIA MENEMU TEGURAN-TEGURAN DAN MENKKAJI CARA PENYAMPAIANDAKWAH DALAM MASA MEREKA MEMPERJUANGKAN SESUATU KONSEP ATAU PENDAPAT.

+MUBALIGH YANG SEBENAR DAN SEJATI AKAN MENERIMA TEGURAN-TEGURAN ITU DAN MENKKAJI CARA-CARA PENYAMPAIANNYA SAMAADA BENAR ATAU SALAH DAN SAMAADA SESUAI ATAU TIDAK DENGAN KEADAAN MASYARAKAT, + TEGAS BELIAU.

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU KADANG-KADANG TERDAPAT MEREKA YANG MENDAKWA SEBAGAI PENGEMBANG DAKWAH ISLAM YANG DENGAN SOMBONGNYA MENOLAK TEGURAN-TEGURAN.

+PERBUATAN MEREKA ITU MENUNJUKKAN DENGAN JELAS BAHAWA IA SENDIRI TIDAK MEMAHAMI TENTANG AJARAN ISLAM, + TAMBAHNYA.

BELIAU MEMBERITAHU CARA KESAR DAN MENGGUNA KEKASARAN TIDAK ADA TEMPAT DALAM MASYARAKAT MALAYSIA DAN INI TIDAK SESUAI DIAMALKANDI KALANGAN ORANG-ORANG ISLAM MELAINKAN UGAMA ITU DI CEROBOHI. --BERSAMBUNG 2246/1B

632:  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN BAHAWA DI ZAMAN AKHIR-AKHIR INI ISLAM DAN AJARANNYA SERINGKALI DISERANG OLEH KEBUDAYAAN BARAT MODEN DAN CARA-CARA HIDUP MEREKA YANG TIDAK SENONOH.

BELIAU BERKATA CARA-CARA MEREKA YANG SOPAN DAN BERTATASUSILA MBOLEH DITERIMA TETAPI CARA-CARA HIDUP LIAR MEREKA YANG BERASASKAN KEHENDAK NAFSU TIDAK DAPAT DITERIMA.

DI ANTARA KEHENDAK NAFSU YANG JAHAT ITU IALAH KEMAHUAN KEPADA KEBEBASAN TANPA SEBARANG SEKATAN ATAU PERATURAN, TEGAS BELIAU. -- BERNAMA 2252/1B